



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kanun Keseksaan (Pindaan) 1985
DR.5/1985

RANG-UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6).

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 298A Kanun Keseksaan adalah dipinda—

Pindaan seksyen 298A.
N.M.B.
Bab 45.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “which may extend to three years, or with fine, or with both” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “of not less than two years and not more than five years”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) yang berikut:

F.M.S.
Cap. 6.

(2) Sections 173A and 294 of the Criminal Procedure Code shall not apply in respect of an offence under subsection (1).”.

3. Kanun Prosedur Jenayah adalah dipinda—

Pindaan-pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah.
N.M.B.
Bab. 6.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Imprisonment for three years, or with fine, or with both” dalam Ruang Ketujuh Jadual Pertama dalam butir-butir yang dinyatakan bersetentangan dengan butiran pertama bagi

2 RANG UNDANG-UNDANG

seksyen 298A dengan perkataan-perkataan "Imprisonment for not less than two years and not more than five years"; dan

- (b) dengan memotong butiran kedua bagi seksyen 298A dalam Jadual Pertama, dan segala butir dalam semua Ruang yang berseketengan dengan butiran itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Kanun Keseksaan dan membuat pindaan-pindaan berbangkit yang tertentu kepada Kanun Prosedur Jenayah.

2. *Fasal 2 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 298A Kanun Keseksaan dengan menggantikan hukuman yang diperuntukkan di dalamnya berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Kanun itu dengan hukuman penjara yang mandatori bagi tempoh minimum selama dua tahun dan tempoh maksimum selama lima tahun.

3. *Fasal 2 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan subseksyen (2) seksyen 298A Kanun Keseksaan dengan subseksyen baru (2) yang bertujuan memperuntukkan bahawa seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai bagi kesalahan di bawah subseksyen (1) seksyen 298A. Adapun maksud pindaan ini ialah membuat peruntukan mengenai pengenaan hukuman penjara yang mandatori selama tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada lima tahun ke atas mana-mana orang yang terbukti dalam mahkamah undang-undang sebagai telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 298A (1) Kanun Keseksaan.

4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai pindaan-pindaan berbangkit kepada Jadual Pertama kepada Kanun Prosedur Jenayah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1328.]